



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH
BILANGAN 7 (TAHUN 2012)

- I) KETETAPAN NAMA SEKOLAH DAN JURUSAN
 - II) OUTING / PULANG BERMALAM PELAJAR
 - III) KENDERAAN PELAJAR
-



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH
BILANGAN 7 (TAHUN 2012)

- I) **KETETAPAN NAMA SEKOLAH DAN JURUSAN**
 - II) **OUTING / PULANG BERMALAM PELAJAR**
 - III) **KENDERAAN PELAJAR**
-

1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berhubung beberapa pindaan terhadap Perturan Pelajar IKBN/IKTBN serta pindaan kepada nama Sekolah dan Jurusan pembelajaran latihan kemahiran di IKBN/IKTBN.

2. TAKRIF

“**IKBN**” bermaksud institut latihan yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**Pelajar**” bermaksud orang yang mendaftar, menerima pelajaran, pengajaran dan latihan di IKBN.

“**Outing**” bermaksud suatu tempoh masa yang diperuntukan kepada pelajar IKBN keluar dari kawasan IKBN dan akan kembali semula ke IKBN.

“**Peraturan Pelajar**” bermaksud peraturan pelajar yang telah diamalkan di IKBN.

“**Pengurusan Tertinggi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia**” bermaksud Ketua Setiausaha KBS, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS dan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.

“**Sekolah**” bermaksud kelompok bidang pembelajaran latihan kemahiran yang diajar di IKBN (Teknologi Automotif, Teknologi Ekektrik, Teknologi Eletronik, Teknologi Awam, Teknologi Marin, Teknologi Mekanikal, Teknologi Hospitaliti, Teknologi Tekstile, Teknologi Fotografi, Teknologi Maklumat, Teknologi Personal, Teknologi Sukan).

“**Jurusan**” bermaksud bidang pengkhususan kelompok bidang latihan tersebut.

3. LATAR BELAKANG

Pada masa ini terdapat perbezaan pelaksanaan Peraturan Pelajar antara satu IKBN dengan IKBN yang lain. Bagi menyelaraskan peraturan ini, Bahagian Pembangunan Kemahiran telah membawa perkara tersebut kepada Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bilangan 7 Tahun 2011. Mesyuarat tersebut telah menerima cadangan pindaan terhadap beberapa peraturan Pelajar IKBN untuk dimajukan kepada pihak pengurusan tertinggi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bagi mendapat persetujuan penguatkuasaan pindaan peraturan tersebut.

Pada bulan Januari 2012 pihak pengurusan tertinggi Kementerian Belia dan Sukan telah bersetuju dengan beberapa pindaan sebagaimana yang dikemukakan.

4. KETETAPAN NAMA SEKOLAH DAN JURUSAN

Dengan ini, nama SEKOLAH di IKBN ditukar kepada JABATAN dan nama JURUSAN ditukar kepada BAHAGIAN.

Maka KETUA SEKOLAH juga ditukarkan kepada KETUA JABATAN DAN KETUA JURUSAN ditukar kepada KETUA BAHAGIAN.

5. *OUTING* / PULANG BERMALAM PELAJAR

Bahagian Pembangunan Kemahiran telah bersetuju agar pelajar memakai pakaian selain dari pakaian rasmi IKBN/IKTBN iaitu warna hitam/putih seperti di dalam ketetapan peraturan IKBN/IKTBN dengan garis panduan pemakaian kemas dan sopan bagi tujuan *outing* atau pulang bermalam.

Waktu pelajar keluar dari IKBN/IKTBN bagi tujuan pulang bermalam ialah selepas jam 5.00 petang dan balik ke IKBN sebelum atau pada jam 10.00 malam.

6. KENDERAAN PELAJAR

Bahagian Pembangunan Kemahiran bersetuju agar IKBN menyediakan tempat parkir motosikal pelajar berhampiran pondok pengawal di dalam kawasan IKBN. Pelajar tidak dibenarkan untuk membawa dan membonceng motosikal mereka dalam kampus IKBN.


7. TARIKH KUATKUASA

Peraturan baru ini berkuatkuasa mulai tarikh Arahan Tetap Ketua Pengarah ini dikeluarkan.

8. PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua IKBN/IKTBN.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(HAJI SAARI BIN SALLEH)
Ketua Pengarah
Bahagian Pembangunan Kemahiran
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pembangunan Kemahiran
PUTRAJAYA

22 Februari 2012

